

Kuala Lumpur

## Akauntan perlu mahir teknologi

Akauntan kerajaan perlu mahir dengan teknologi terutamanya dalam automasi dan kecerdasan buatan (AI), blockchain, pengkomputeran awan dan keselamatan siber serta analisis data (ABCD), ketika Malaysia beralih kepada ekonomi digital dan syarikat mula menerima pakai Revolusi Perindustrian 4.0 (Industri 4.0).

Ketua Setiausaha Perbendaharaan Datuk Ahmad Badri Mohd Zahir berkata, pembinaan kecekapan adalah kritikal kerana peralihan kepada perakaunan akruan dan meningkatkan pengurusan kewangan sektor awam, memerlukan latihan berteraskan kemahiran bagi akauntan profesional dan definisi yang lebih jelas tentang peranan dan kemahiran mereka

menerusi pelan hala tuju kecekapan.

"Ketika negara beralih ke arah ekonomi yang dipacu oleh teknologi, automasi dan inovasi, akauntan sektor awam seperti kerjaya lain, akan memerlukan kemahiran pemikiran yang lebih tinggi bagi melengkapkan mereka dengan peranan bukan rutin dan bernilai tinggi.

"Ia amat relevan kepada akauntan kerana mereka akan dapat memantapkan lagi kemahiran mereka dalam membuat keputusan, analisis dan menyelesaikan masalah dan komunikasi, disokong oleh integriti tanpa kompromi dan keraguan yang sihat," katanya dalam ucapan tama beliau pada Persidangan Pengurusan Kewangan Sektor Awam 2018, semalam.